

28 NOV 1997

DR M: M'SIA UBAH KEPUTUSAN TIDAK GALAK INDUSTRI BERINTENSIF BURUH

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

TOKYO, 28 Nov (Bernama) -- Malaysia telah menghentikan dasarnya tidak menggalakkan industri-industri berintensif buruh yang bergantung kepada buruh asing tetapi hanya diguna pakai untuk industri-industri berorientasikan eksport, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Keputusan itu dilihat sebagai langkah untuk menarik pelaburan asing ke dalam industri berorientasikan eksport dalam langkah untuk mengatasi masalah ekonomi negara sekarang.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa keputusan telah dibuat untuk menarik lebih banyak pelaburan asing langsung (FDI) memandangkan pengeluaran barangan dan pembekalan perkhidmatan di Malaysia lebih murah disebabkan kesusutan nilai mata wangnya di tengah-tengah krisis mata wang.

"Industri-industri akan memperoleh lebih banyak keuntungan atau menjadi lebih kompetitif di pasaran dunia," katanya di dalam ucapan utama pada dialog dengan 36 pemimpin perniagaan Jepun.

Dr Mahathir, yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja dua hari dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur daripada menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Vancouver, berkata kerajaan akan membenarkan peningkatan beransur-ansur tenaga kerja asing jika perlu.

Kami kini mempunyai kira-kira 1.7 juta pekerja asing.... kami akan membenarkan peningkatan beransur-ansur jika industri-industri berorientasi eksport memerlukan tenaga kerja lebih besar," beliau memberitahu pemimpin-pemimpin perniagaan, yang antaranya adalah pengerusi Persekutuan Perbadanan Ekonomi Jepun Shoichiro Toyoda, Timbalan gabenor Export/Import Bank of Japan Akira Nambara, presiden Kobe Steel Masahiro Kumamoto dan naib presiden eksekutif Matsushita Electric Industrial Corporation Masayuki Matsushita.

Yang lain termasuk naib presiden eksekutif Toyota Motor Corporation Kosuke Yamamoto, presiden Sanwa Bank Naotaka Saeki, presiden Sumitomo Corporation Kenji Miyahara, president Mitsubishi Corporation Minoru Makihara dan presiden Nissho Iwai Masatake Kusamichi.

Perdana Menteri berkata Malaysia sentiasa bersikap "mesra pelaburan asing", sambil berkata bahawa kerajaan telah menggalakkan FDI sejak awal tahun 60-an kerana ia percaya bahawa FDI boleh dan sentiasa menyumbang dengan banyak kepada pembangunan pesat ekonomi Malaysia.

"Dasar ini akan terus memainkan peranan penting di dalam usaha kami untuk menjadi masyarakat perindustrian sepenuhnya menjelang 2020," tambahnya pada acara yang turut dihadiri oleh penasihat ekonomi kerajaan, Tun Daim Zainuddin.

Dr Mahathir memperakui perananan pelaburan asing dalam pembangunan Malaysia. "Malaysia sentiasa makmur melalui sikap terbukanya kepada FDI terlebih awal. Sememangnya pengindustrian dan pertumbuhan pesat Malaysia sebahagian besarnya disebabkan pelaburan asing."

Beliau berkata bahawa Malaysia sedang cuba menangani keadaan ekonomi yang sukar yang dihadapinya sekarang ini.

"Kami fikir kami mungkin dapat menanganinya tetapi kami memerlukan pelaburan jangka panjang asing yang produktif malahan lebih segera lagi," katanya.

Mengenai cadangan Tabung Asia, katanya ini ia akan merupakan lanjutan Tabung Kewangan Antarabangsa, "ia telah menjadi kurang menarik."

Dr Mahathir juga berkata bantuan daripada IMF "tidak menjamin pemulihan ekonomi kami," sambil menambah: "apa yang pasti ialah bantuan itu akan menyekat kebebasan Malaysia untuk membentuk dan memulakan cara-cara baru merangsang pelaburan asing dan pelaksanaan dasar-dasar dan strategi-strategi ekonomi yang baru."

Katanya sekatan akan menghadkan pengenalan oleh Malaysia pengurusan ekonominya.

Dr Mahathir berkata walaupun terdapat masalah mata wang, kos dan harga tempatan tidak meningkat.

Katanya kerajaan bercadang mengekalkan upah pada paras lamanya melali kempen terhadap pembaziran dan kemewahan yang tidak perlu dan menggalakkan mengurangkan belanja.

Perdana Menteri memberi jaminan kepada pelabur-pelabur asing bahawa Malaysia akan terus memberikan penampungan yang cekap terhadap keperluan pelabur-pelabur. Proses birokrasi akan dikurangkan kepada paras paling minimum. Semua insentif cukai dan keistimewaan akan diteruskan."

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan sentiasa bersedia membantu malahan pada peringkat paling tinggi untuk menyelesaikan sebarang masalah yang mungkin timbul.

"Kami sanggup mendengar dan menimbangkan ide-ide lain yang anda mungkin ada untuk meningkatkan pelaburan Jepun di Malaysia," beliau memberitahu pemimpin-pemimpin perniagaan itu.

Dr Mahathir berkata walaupun terdapat apa yang dipanggil kegawatan mata wang dan pertumbuhan lebih rendah, terdapat gunatenaga penuh di Malaysia, dengan itu membolehkan kerajaan membentuk semula ekonomi tanpa kos terlalu banyak kepada rakyatnya.

Katanya rakyat menyokong sepenuhnya kerajaan yang mereka pilih dengan majoriti besar. "Malahan serangan terhadap mata wang Malaysia dan tindak-tanduk tertentu yang ditujukan terhadap para pemimpin negara ini hanya memperkukuhkan kesatuan mereka dan sokongan kepada kerajaan."

Ini menjadikan negara stabil daripada segi politik dan kerajaan berkesan sepenuhnya, katanya, sambil menambah bahawa dasar-dasar dan pendekatan yang dicadangkan oleh kerajaan tidak akan mengganggu perpaduan rakyat.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia menyokong sepenuhnya kempen jimat cermatn anjuran kerajaan ke arah menjadikan negara lebih kompetitif secara global.

Terdahulu, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan dengan anggota-anggota Wisemen Club terdiri daripada pemimpin-pemimpin korporat terkemuka Jepun.

-- BERNAMA

MFJ OS